

19/12/1997

Ada peniaga ragui mata wang sendiri

Ahmad Burak; Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mendedahkan adanya peniaga tempatan yang tidak percaya dengan mata wang sendiri dengan menyimpan di cawangan bank asing atau bank luar negara.

Sambil menyifatkan tindakan itu sebagai tidak wajar, Perdana Menteri menegaskan perbuatan berkenaan hanya memburukkan keadaan ekonomi negara dalam tempoh jangka panjang.

Sehubungan itu, beliau meminta golongan peniaga di negara ini supaya tidak memburukkan keadaan kegawatan ekonomi sekarang, dengan melakukan tindakan kurang bijak.

"Saya tidak perlu terangkan kepada tuan-tuan dan puan-puan yang lebih arif daripada saya akan kesan perbuatan berkenaan. Apa yang kita takut berlaku akan tetap berlaku kerana tindakan kita yang tidak wajar.

"Kata orang putih, apa yang kita lakukan adalah self-fulfilling, iaitu apa yang kita jangka akan menjadi kenyataan kerana tindakan kita," katanya pada majlis makan malam Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia, di sini, malam ini.

Dr Mahathir turut membidas pelabur tempatan yang menjadikan pasaran saham sebagai kasino dengan menaikkan nilai saham, walaupun ia tidak mempunyai hubungan dengan prestasi syarikat sendiri.

Katanya, kegiatan itu menyebabkan golongan berkenaan terpesong dengan tumpuan diberikan ke arah perniagaan saham, dan bukan berniaga untuk mencari keuntungan dengan mengadakan road show di negara maju untuk 'menjual' saham mereka.

"Saham seperti juga dengan wang tidak ada nilai mutlak. Nilainya ditentukan oleh kesanggupan pemain pasaran saham menjual dan membelinya.

"Apabila mereka hilang kepercayaan, sama ada secara kebetulan atau kerana sengaja dan tidak sanggup membeli, maka nilai saham akan jatuh kadangkala lebih rendah daripada nilai aset syarikat," katanya.

Dr Mahathir berkata, apabila nilai saham jatuh, maka pelabur biasa akan rugi tetapi jika sebaliknya nilai saham dikait rapat dengan keuntungan syarikat, pelabur tidak rugi kerana pelaburan akan dibalas dengan dividen yang setimpal.

Dengan itu juga, katanya, hutang yang tidak terlalu tinggi boleh dibayar dengan perolehan daripada dividen, manakala bank tidak akan meminta bayaran ganti susut nilai saham yang dicagar.

"Dalam mengurus perniagaan, kos dibiarkan naik kerana harapan akan meraih keuntungan besar untuk menampung kos yang tinggi.

"Pengurus syarikat dan semua pegawai profesional dan eksekutif meletak nilai yang amat tinggi terhadap sumbangan mereka," katanya.

Menurut Perdana Menteri, keadaan ini turut berlaku kepada mereka yang baru lulus dari institusi pengajian tinggi yang meminta dan diberi upah terlalu tinggi sehingga tidak munasabah.

(END)